

## *Muṣḥaf Imlā’ī dan Implikasinya dalam Pembacaan Al-Quran Imlā’i Mushaf and It’s Implication in Reading Al-Quran*

Daud Ismail  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Asyraf Hj Ab Rahman<sup>1</sup>  
Universiti Malaysia Terengganu

### **Abstrak**

*Muṣḥaf Imlā’ī adalah salah satu versi Al-Quran yang ditulis berdasarkan tulisan Arab standard. Ia juga dikenali sebagai Rasm Imlā’ī atau Rasm Qiyāsī. Struktur rasm Al-Quran (ortografi) dan ḍabt (tanda-tanda yang menentukan sebutan yang betul Al-Quran) dalam Muṣḥaf Imlā’ī adalah berbeza dari Muṣḥaf Uthmānī disebabkan oleh beberapa faktor seperti penambahan huruf (ziyādah), pertukaran huruf (badl) dan sebagainya. Perbezaan beberapa aspek tersebut telah membawa kepada berlakunya kekeliruan dan kesilapan dalam membaca Al-Quran. Oleh itu, kertas ini akan membincangkan beberapa implikasi yang timbul akibat dari menggunakan Muṣḥaf Imlā’ī dalam bacaan Al-Quran serta beberapa kesan terhadap masyarakat Islam keseluruhannya. Menggunakan kaedah analisis kandungan, kajian ini mendapati Muṣḥaf Imlā’ī tidak sesuai digunakan secara terbuka kerana boleh menyebabkan wujud beberapa kekeliruan dari segi pembacaan Al-Quran.*

*Kata kunci: Al-Quran, bacaan varian, muṣḥaf Uthmānī, mūṣḥaf Īmlā’ī*

### **Abstract**

*Imlā’i Mushaf is one of the Quranic version written based on the standard Arabic writing. It is also known as Rasm Imlā’i or Rasm Qiyasi. The structure of the Quranic rasm (orthography) and its dabt (conventional signs determining the proper pronunciation of Qur’an) in Imlā’i Mushaf is different from the Uthmani Mushaf due to several factors such as the addition of the letters (ziyadah), exchanges of letters (badl) and some others. These differences to some extent led to some confusion and mistakes in the readings of the Quran. This article therefore will discuss some implication that arise as a result of using imlā’i mushaf in reading the Quran and some consequences to Muslim communities as a whole. Using content analysis method, the study*

1 Corresponding author: Asyraf Hj. Ab. Rahman, Univrsiti Malaysia Terengganu, e-mail: asyraf@umt.edu.my.

found that *Imlā'ī Mushaf* was not suitable to be used publicly as it may result to some confusion in terms of reading the Holy Quran.

**Keywords:** *Quran, variant readings, Uthmani Mushaf, Mushaf Imlā'ī*

## PENGENALAN

*Muṣḥaf Imlā'ī* merupakan versi mushaf Al-Quran yang ditulis berasaskan kaedah penulisan bahasa Arab biasa yang dipanggil *Rasm Imlā'ī* atau *Rasm Qiyāsi*. Struktur kalimah Al-Quran (*rasm*) dan tanda-tanda (*dabt*) dalam *Muṣḥaf Imlā'ī* didapati amat berbeza dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī*. Secara khususnya, perbezaan tersebut dapat dilihat pada lima faktor (al-Ḍabā' T.th) iaitu pembuangan huruf (*hadhf*), penambahan huruf (*ziyādah*), penukaran huruf (*badl*), penyambungan dua kalimah (*waṣl*) dan pengasingan dua kalimah (*faṣl*). Jadual 1 memuatkan contoh perbezaan antara *Muṣḥaf Imlā'ī* dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī* dalam pelbagai aspek.

Jadual 1: Contoh Perbezaan Antara *Muṣḥaf Imlā'ī* dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī*

Faktor	<i>Muṣḥaf Imlā'ī</i>	<i>Muṣḥaf 'Uthmānī</i>
Pembuangan huruf	خَالِدُونَ	خَالِدُونَ
Penambahan huruf	يَيْسُ	يَأَيْسُ
Penukaran huruf	يَيْسُطُ	يَبْصُطُ
Penyambungan dua kalimah	يَا مُوسَى	يَكْمُوسَى
Pengasingan dua kalimah	إِما	إِمَّا

Melihat kepada struktur *Rasm Imlā'ī* yang berteraskan kaedah ejaan dan bunyian huruf, maka kaedah sebegini didapati tidak sesuai untuk penulisan *mushaf* kerana sering berubah-ubah mengikut perkembangan semasa (Sha'bān 1986). Hal sedemikian jika dibiarkan, akan wujudlah *mushaf* dalam pelbagai versi yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya apabila membaca ayat-ayat Al-Quran. Ia juga memungkinan Al-Quran dikelirukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jika diteliti dari sudut sejarah perkembangan *Rasm Imlā'ī*, *īā pādā āšālnyā* digunakan bagi tujuan berkomunikasi dan penyampaian maklumat sama ada dalam aktiviti perniagaan ataupun apa jua aktiviti yang berkaitan dengan hubungan sosial dalam masyarakat Arab. Penggunaan penulisan *Rasm Imlā'ī* secara berleluasa telah menimbulkan beberapa implikasi, khususnya apabila melibatkan penulisan *mushaf*. Justeru itu, para ulamak bahasa telah mengambil inisiatif untuk menyusun semula kaedah penulisan bahasa Arab versi *Rasm Imlā'ī* ini. Usaha ini dilakukan supaya wujudnya perbezaan yang jelas antara penulisan *mushaf* (*Rasm Uthmānī*) dengan penulisan Arab biasa (*Rasm Imlā'ī*) supaya dapat mengelak imej Al-Quran daripada tercemar dengan penulisan yang bercampur aduk antara kedua-dua *rasm* tersebut.

Terdapat banyak karya dalam disiplin ilmu penulisan Arab versi *Rasm Imlā'ī*. Antara karya-karya yang terawal ialah *Kitāb Al-Khaṭṭ wa Al-Hijā'*, karangan Abī Al-'Abbās Muḥammad bin Yazīd Al-Mubarrad (m.285H), *Kitāb Al-Hijā'*, karangan Abī Al-'Abbās Aḥmad bin Yaḥyā Tha'lab (m.291H), *Kitāb Al-Hijā'* bagi Abī Al-Ḥasan Muḥammad bin Aḥmad bin Kaysān (m.299H). Buku-buku berkenaan boleh dianggap sebagai pencetus kepada kaedah penulisan *Rasm Imlā'ī* yang menekankan kepada pembentukan struktur kalimah Arab berasaskan ejaan. Kemunculan buku-buku ini menjadikan penggunaan bahasa Arab versi *imlā'ī* berkembang luas di kalangan masyarakat yang bertutur dalam bahasa Arab. Meluasnya *Rasm Imlā'ī* dalam komunikasi harian sama ada di kalangan masyarakat Arab dan bukan Arab telah sedikit sebanyak mempengaruhi penulisan Al-Quran dan ini secara tidak disedari membuka ruang seluas-luasnya kepada usaha penyelewengan Al-Quran oleh musuh-musuh Islam (Qaddūrī, 1982). Fenomena ini bermula pada peringkat awal kebangkitan Islam lagi memandangkan masih terdapat ramai pnyalin dan penulis *mushaf* yang tidak mempunyai pengetahuan secukupnya terhadap kaedah *rasm* *mushaf*. Oleh kerana itu, terdapat beberapa *mushaf* ditulis dalam versi *Rasm Imlā'ī*. *Mushaf* yang ditulis oleh Ibn Al-Bawwāb pada tahun 970M umpamanya, dikenal pasti sebagai *Muṣḥaf Imlā'ī* dan *muṣḥaf* yang sama ditulis oleh Yāqūt al-Musta'ṣimī pada tahun 1294M (Qaddūrī, 1982).

Hal demikian berlanjutan apabila teknologi percetakan mula berkembang di negara-negara barat. *Mushaf* pertama yang dicetak adalah dalam versi *Rasm Imlā'ī*. *Mushaf* berkenaan diusahakan cetak oleh orientalis Jerman, Abrahmi Hinckelmani pada 1694 di Hamburg. *Mushaf* setebal 560 halaman dan setiap halaman mengandungi 16 baris. Mukadimah *mushaf* tersebut ditulis dalam bahasa Latin setebal 80 halaman. Naskhah *mushaf* cetakan ini boleh didapati di perpustakaan Dār Al-Kutub Al-Miṣriyyah, nombor siri 176 *maṣāḥif* dan satu naskhah lain ialah di perpustakaan Universiti Kaherah, Mesir (Qaddūrī, 1982). Menurut Qaddūrī (1982) dalam bukunya *Rasm al-Muṣḥaf Dirāsah Luḡhawīyyah Tārīkhiyyah*, terdapat beberapa kesalahan besar di hampir setiap halaman, khususnya dari aspek kaedah *rasm* dan *ḍabt*. Contoh beberapa kesalahan yang ketara ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Contoh Pelbagai Kesalahan Mushaf Hinckelmani

Aspek Kesalahan	Salah	Betul
Menukar kalimah المتقين kepada الذين kalimah	إن الذين في جنات وعيون	إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ (Aal-Zāriyāt 51: 15)
Menyambung kalimah يوم dengan kalimah هم	يومهم على النار يفتنون	يَوْمَ هُمْ عَلَى النَّارِ يُفْتَنُونَ (Al-Zāriyāt 51:13)
Meletak tanda <i>ḍammah</i> (baris hadapan) pada kalimah إبراهيم	وإذ ابتلي إبراهيم ربه	وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ (Al-Baqarah 2: 124)

*Muṣḥaf Imlā'ī* tersebar secara meluas di Alam Melayu semenjak awal kedatangan Islam lagi. Di Indonesia, terdapat sebilangan besar naskhah *mushaf* kuno yang ditemui ditulis dengan *Rasm Imlā'ī* (H. Fadhal Ar. Bafadal & H. Rasohan Anwar 2005). *Mushaf Monjok* sebagai contoh, ditulis oleh pendakwah Sunan Sudar pada abad ke-18. *Mushaf* berkenaan berukuran 17x25 cm dengan ketebalan 7 cm. Kulitnya diperbuat daripada kulit binatang dan mengandungi 592 halaman serta mempunyai 15 baris pada setiap halaman. Iluminasi *mushaf* ini dihiasi dengan bunga berwarna merah, hitam dan biru. *Mushaf* ini terdapat banyak kesalahan khususnya dari

aspek *rasm* dan *ḍabt* (M. Syatibi AH 2005) seperti contoh yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Contoh Kesalahan *Mushaf Monjok*

Aspek Kesalahan	<i>Mushaf Monjok</i>	<i>Muṣḥaf 'Uthmānī</i>
Struktur huruf <i>yā'</i> bertitik	إلي أم موسى	وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ أُمِّ مُوسَىٰ (Al-Qaṣaṣ 28: 7)

Selain itu, mushaf yang dikenali dengan nama *Quran Majīd* juga disenarai dalam kategori versi *Muṣḥaf Imlā'ī*. Ia dipercayai dicetak di Bombay, India. *Mushaf* ini tersebar luas dan masih diguna pakai dalam kalangan masyarakat Islam di Alam Melayu sehingga sekarang. Malah, pada peringkat awal kedatangan Islam lagi, penganut agama Islam di rantau ini mempelajari Al-Quran dengan menggunakan *Quran Majīd* (Engku Alwi, 1991). *Mushaf* ini juga didapati mempunyai banyak kesalahan yang ketara. Jadual 4 memuatkan pelbagai contoh kesalahan yang terdapat dalam *Muṣḥaf Quran Majīd*.

Jadual 4: Contoh Kesalahan *Muṣḥaf Quran Majīd*

Aspek Kesalahan	<i>Muṣḥaf Quran Majīd</i>	<i>Muṣḥaf 'Uthmānī</i>
<i>Rasm</i>	شَفَاعَةٌ	وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾ (Al-Baqarah 2: 48)

يَتَأَهَّلَ الْكِتَابَ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا  
 تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ إِنَّمَا الْمَسِيحُ  
 عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ  
 أَلْقَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِنْهُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ  
*Dabt* **ثَلَاثَةٌ أَنْتَهُوَ** وَرُسُلِهِ وَلَا تَقُولُوا ثَلَاثَةٌ أَنْتَهُوَ خَيْرًا  
 لَكُمْ إِنَّمَا اللَّهُ إِلَهُ وَاحِدٌ سُبْحَانَهُ أَنْ  
 يَكُونَ لَهُ وَلَدٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
 فِي الْأَرْضِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿١٧١﴾

(Al-Nisa'4: 171)

*Dabt &  
Makna*

ثُمَّ أَخَذْتُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَكَيْفَ كَانَتْ نَكِيرًا ﴿٢٦﴾ كَانَتْ نَكِيرًا كَمَا تَرَى

(Fāṭir 35: 26)

Melihat kepada beberapa masalah seperti yang dikemukakan, kertas ini coba menyentuh secara khusus berkaitan beberapa kesalahan dan implikasi *Muṣḥaf Imlā'ī* iaitu *Muṣḥaf Quran Majīd*. Ia bertujuan sebagai memberi input tambahan kepada usaha menyekat penjualan, pencetakan dan penggunaan *mushaf* dan ayat-ayat Al-Quran yang didapati salah dari sudut tulisan, tanda-tanda dan pelbagai aspek lain.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasi reka bentuk kajian analisis kandungan yang melibatkan pengumpulan data kualitatif daripada sumber sekunder. Pengumpulan data adalah melalui pemerhatian, pengamatan dan penganalisisan kandungan teks *Muṣḥaf Imlā'ī*. Secara khususnya, teknik ini digunakan untuk meneroka kesalahan dari pelbagai aspek *rasm* dan *dabt* yang terdapat pada *Muṣḥaf Imlā'ī*. Aspek-aspek yang dapat dikesan, dianalisis bagi mengenal pasti implikasi pengamalan *Muṣḥaf Imlā'ī* dalam pembacaan Al-Quran.

Bagi mengaplikasi pendekatan ini, buku-buku yang didapati ada membincangkan persoalan *Mushaf Imlā'i* dikumpulkan. Dengan ini, sejarah perkembangan *Mushaf Imlā'i* dapat ditelusuri dengan lebih mendalam. Selain buku, *mushaf-mushaf* versi *Mushaf Imlā'i* yang antaranya *Mushaf Qurān Majīd* juga dibaca serta dihalusi dan diteliti. *Mushaf Qurān Majīd* didapati merupakan versi *Mushaf Imlā'i* yang telah diguna pakai secara meluas di Alam Melayu semenjak awal kedatangan Islam sehingga ke hari ini. Oleh kerana itu, *Mushaf Qurān Majīd* dijadikan sampel kajian untuk mengenal pasti aspek-aspek kesalahan yang menimbulkan implikasi terhadap pembacaan Al-Quran dengan menggunakan *Mushaf Imlā'i*.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kerajaan Islam semenjak dahulu lagi telah memberi perhatian serius terhadap usaha membudayakan bacaan Al-Quran dengan menggunakan *Mushaf 'Uthmānī*. Manakala *mushaf-mushaf* lain tidak digalakkan penggunaannya lantaran kekhuatiran wujud beberapa kesalahan seperti yang telah dibincangkan. Pada pertengahan abad ke-10 Masehi umpamanya, seorang qari Muhammad bin Ahmad bin Ayyub bin Shanbudh dikenakan hukuman sebat di atas kesalahan membaca Al-Quran dengan menggunakan *mushaf* selain dari *Mushaf 'Uthmānī* (Adam Metz 1967). Justeru, dalam konteks ini, Malaysia telah mengambil inisiatif bagi memelihara dan menjaga keaslian Al-Quran. Dalam usaha menyekat penggunaan *mushaf* yang mempunyai kesalahan, kerajaan telah menggubal Akta 326, iaitu Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 dan Akta A 1023, iaitu Akta Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan)1998. Akta tersebut mengandungi 25 seksyen yang merangkumi peruntukan pengurusan, pencetakan *mushaf* Al-Quran, penguatkuasaan dan perkara-perkara berkaitan (Undang-undang Malaysia). Akta yang dimaksudkan ada menyebut:

*Tiada seorang pun boleh mencetak atau menerbitkan sesuatu teks Al-Quran atau bahan Al-Quran yang mengandungi apa-apa kesilapan berkenaan dengan sesuatu ayat Al-Quran di dalamnya.*

(Seksyen 14 Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986)

Peruntukan Akta 326 (Akta Pencetakan Teks Al-Quran) yang diwartakan pada tahun 1986 itu adalah jelas menunjukkan *mushaf-mushaf* yang akan dicetak atau diimport untuk penjualan di negara ini hendaklah dikemukakan kepada Lujnah Tashih Al-Quran untuk penyemakan dan mendapat kelulusan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran terlebih dahulu. Begitu juga, sebarang bentuk cetakan dan penerbitan yang berkaitan dengan ayat-ayat Al-Quran seperti pelekat, tulisan khat, terjemahan, buku-buku tafsir

dan sebagainya, diwajibkan mendapat kebenaran dan kelulusan lembaga yang sama. Bagi agensi, syarikat atau individu yang gagal berbuat demikian, boleh diambil tindakan mahkamah dan dikenakan hukuman sewajarnya. Tindakan ini diambil bagi mengelak penyalahgunaan *mushaf* atau tulisan ayat-ayat Al-Quran, khususnya dari aspek *rasm* dan *ḍabt*.

Sejak penggubalan Akta 326 dan Akta A 1023 (Akta Pencetakan Teks al-Quran), kerajaan Malaysia telah menjalankan sepenuh tanggungjawab melalui agensi-agensi yang terlibat untuk membasmi aktiviti penjualan dan penggunaan *Muṣḥaf Imlā'ī* yang mengandungi kesalahan tulisan dan tanda-tanda di negara ini. Namun demikian, masih terdapat ramai masyarakat Islam negara ini yang mengguna pakai *mushaf* tersebut. Pemerhatian yang dibuat mendapati *Muṣḥaf Quran Majīd (Muṣḥaf Imlā'ī)* ini terdapat di kebanyakan rumah dan masjid-masjid di Malaysia. Kajian Daud Ismail (2003) mendapati sebilangan besar pembaca Al-Quran versi *Muṣḥaf Imlā'ī* adalah terdiri dari kalangan warga tua berusia melebihi 55 tahun. Proses pengajian Al-Quran seawal usia dengan menggunakan *Muṣḥaf Quran Majīd* menjadikan mereka lebih berminat membaca Al-Quran *Muṣḥaf Quran Majīd*. Turut menjadi sebab lagi, maklumat yang menjelaskan implikasi pengamalan *Mushaf Imlā'ī* tidak didedahkan secara lebih meluas. Justeru itu, mereka tidak merasa bersalah menjual, mencetak dan menggunakan *mushaf* berkenaan sedangkan terdapat beberapa kesalahan yang jelas pada *Mushaf Quran Majīd* berkenaan.

Melalui pendekatan analisis kandungan dan bacaan, antara kesalahan yang menonjol pada *Mushaf Quran Majīd* adalah berkaitan dengan kaedah *rasm* dan kaedah *ḍabt*. Aspek-aspek yang dimaksudkan sekali gus boleh menimbulkan pelbagai implikasi dalam pembacaan Al-Quran. Hal demikian boleh dilihat menerusi contoh-contoh dalam Jadual 5.

Jadual 5: Contoh Kesalahan pada *Muṣḥaf Quran Majīd*

Aspek	Kalimah/Ayat	Implikasi
<i>Rasm</i>	سَفَاعَةٌ	Tidak membolehkan dibaca dengan pelbagai qiraat
	سَأُورِيكُمْ	Boleh menyebabkan bacaan yang salah
	اللَّهُ	Tidak mengambil kira aspek rahsia yang tersirat
<i>Ḍabt</i>	ثَلَاثَةٌ أَنْتَهُمْ	Boleh menyebabkan bacaan yang salah ketika dibaca dengan <i>waṣl</i>
	فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ الْأَمْرِ	Boleh menyebabkan bacaan dan fahaman makna yang salah.

Jadual 5 merupakan contoh kesalahan *rasm* dan *ḍabt* yang salah pada *Muṣḥaf Quran Majīd*. Ini boleh menimbulkan pelbagai implikasi, antaranya menyebabkan pembacaan Al-Quran yang tidak menepati hukum tajwid. Dalam konteks kaedah *rasm* dan *ḍabt*, data Jadual 5 di atas menunjukkan wujudnya perbezaan antara *Muṣḥaf Quran Majīd* dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī*. Secara khususnya, perbezaan tersebut dapat dilihat pada lima faktor iaitu tiada pembuangan huruf *alif* pada struktur kalimah (شَفَاعَةٌ), tiada tanda bulatan (◉) di atas huruf tambahan (*ḥuruf zā'idah*) pada struktur kalimah (سَأُورِيكُمْ), meletak huruf *alif* bersaiz kecil (*ilhāq*) pada lafaz *al-jalālah* (إِنَّهُ), diletak tanda baris (*ḥarakah*) pada hamzah wasl (فَكَيْفَ كَانَ يُكَذِّبُ الْكَاذِبِينَ). Berikut adalah pencerahan secara ringkas akan permasalahan tersebut supaya dapat difahami dengan lebih jelas.

(i) شَفَاعَةٌ (Al-Baqarah 2: 48)

Kalimah ini tiada pembuangan huruf *alif* pada struktur kalimah شَفَاعَةٌ dalam *Muṣḥaf Quran Majīd*. Penulisan sebegini hanya boleh dibaca dengan satu bentuk bacaan (*wajah qirā'ah*) sahaja. Dalam *Muṣḥaf 'Uthmānī*, kalimah ini ditulis tanpa huruf *alif*. Ini bagi membolehkan dibaca mengikut pelbagai bentuk bacaan (*wajah qirā'ah*) *mutawātirah* yang dibenarkan (Jadual 6).

Jadual 6: Contoh Perbezaan Antara *Muṣḥaf Quran Majīd* dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī* berdasarkan kaedah *Rasm*

<i>Muṣḥaf Quran Majīd</i>	<i>Muṣḥaf 'Uthmānī</i>
شَفَاعَةٌ	شَفَاعَةٌ

(ii) سَأُورِيكُمْ (Al-A'rāf 7: 145)

Dalam *Muṣḥaf Quran Majīd*, tidak diletak tanda bulatan (◉) di atas huruf tambahan (*ḥuruf zā'idah*) pada struktur kalimah سَأُورِيكُمْ. Ini menjadikan huruf *waw* pada kalimah tersebut boleh dianggap sebagai huruf mati (*sākin*) dan dibaca dengan memanjangkan huruf *alif* yang berbunyi (*sa'ūrīkum*). Manakala dalam *Muṣḥaf 'Uthmānī*, kalimah ini diletak tanda bulatan di atas huruf *waw*. Ia dilakukan demikian untuk membezakan antara huruf tambahan (*zā'idah*) dengan huruf *mad*, dan seterusnya dapat mengelak kekeliruan yang mungkin timbul dalam kalangan pembaca Al-Quran (Jadual 7).

Jadual 7: Contoh Perbezaan Antara *Muṣḥaf Quran Majīd* dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī* berdasarkan kaedah *Ḍabt*

<i>Muṣḥaf Quran Majīd</i>	<i>Muṣḥaf 'Uthmānī</i>
سَأُورِيكُمْ	سَأُورِيكُمْ <sup>ا</sup>

(iii) اللهُ (semua tempat)

Lafaz *al-Jalālah* (الله) pada *Muṣḥaf Quran Majīd* dikenal pasti terdapat huruf *alif* bersaiz kecil (*ilhāq*). Dalam *Muṣḥaf 'Uthmānī*, huruf *alif* bersaiz kecil (*ilhāq*) pada lafaz tersebut tidak ditulis (الله). Pendekatan ini mengisyaratkan perbezaan di antara nama Allah Yang Maha Mulia dengan nama berhala besar yang disembah oleh kaum Musyrikin Mekah, iaitu اللات. Ia ditulis dengan meletak tanda *ilhāq* (Muḥammad Sālim Muḥaysin 1989) sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Contoh Perbezaan Antara *Muṣḥaf Quran Majīd* dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī* berdasarkan kaedah *Ḍabt*

<i>Muṣḥaf Quran Majīd</i>	<i>Muṣḥaf 'Uthmānī</i>
الله	الله <sup>ا</sup>

(iv) فَكَلِمَةً لِّاتْتَمُوْا (Al-Nisā' 4:171)

Struktur ayat ini didapati mempunyai kesalahan dari aspek *ḍabt*. Terdapat tanda baris (*ḥarakah*) pada *hamzah waṣl* seperti yang berlaku pada ayat فَكَلِمَةً لِّاتْتَمُوْا (Al-Nisā' 4: 171). Ini boleh menyumbang kepada kesalahan membaca Al-Quran. Ia mungkin dibaca oleh orang awam sebagai hukum *izhār* berdasarkan *tanwīn* bertemu dengan huruf *hamzah*. Sedangkan ia tidak boleh diletakkan tanda baris (*ḥarakah*) pada *hamzah waṣl* sebagaimana terdapat dalam *Muṣḥaf 'Uthmānī*, iaitu فَكَلِمَةً لِّاتْتَمُوْا bagi tujuan mengelak kekeliruan tersebut (Jadual 9).

Jadual 9: Contoh Perbezaan Antara *Mushaf Quran Majid* dengan *Mushaf 'Uthmani* berdasarkan kaedah *Dabt*

<i>Mushaf Quran Majid</i>	<i>Mushaf 'Uthmani</i>
تَكَلَّمْتُمْ لَهَا كِتَابًا	تَلَاثَةٌ أَنْتَهُمْ

(v) فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ الْكَرِيمِ (Fātir 35: 26)

Kesilapan tanda baris (*ḥarakah*) pada kalimah نَكِير dalam firman Allah s.w.t. فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ الْكَرِيمِ (Fātir 35: 26), iaitu dengan meletaktanda baris dua (*tanwīn*) pada huruf (ي) daripada kalimah نَكِير. Dalam *Mushaf 'Uthmani*, kalimah ini tidak diletakkan tanda baris dua (*tanwin*). Maksud ayat di atas ialah bagaimana kemurkaan-Ku (Allah). Kalimah نَكِير pada asalnya terdapat huruf *yā'* (ي) selepas huruf *rā'* (ر), iaitu (نَكِيرِي). Huruf *yā'* yang dimaksudkan ialah *ḍamir mutakallim waḥdah*. Namun begitu, kalimah tersebut ditulis tanpa huruf *yā'*. Sementara baris di bawah (*kasrah*) pula mewakili huruf *yā'* yang telah dibuang. Berlandaskan faktor ini, tanda baris dua (*tanwīn*) tidak boleh diletakkan pada kalimah نَكِير. Ini kerana *tanwīn* pada kalimah ini secara langsung mencerminkan tidak wujudnya huruf *yā'* yang dibuang. Ini akan membawa kepada perubahan dari sudut makna. Jika dilihat dari aspek pembacaan pula, ia boleh dibaca dengan *Izhār* berdasarkan baris dua (*tanwīn*) bertemu dengan huruf *hamzah*, sedangkan yang sebenarnya ia bukan hukum *Izhār*. Dari sini, jelas membuktikan kesilapan meletak tanda sebegini boleh membawa kepada kesalahan membaca dan memahami maksud Al-Quran (Jadual 10).

Jadual 10: Contoh Perbezaan Antara *Mushaf Quran Majid* dengan *Mushaf 'Uthmani* berdasarkan kaedah *Dabt*

<i>Mushaf Quran Majid</i>	<i>Mushaf 'Uthmani</i>
فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ الْكَرِيمِ	فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ الْكَرِيمِ

## KESIMPULAN

*Muṣḥaf Imlā'ī* merupakan versi mushaf Al-Quran yang ditulis berasaskan kaedah penulisan bahasa Arab biasa (*Rasm Imlā'ī*). Pembentukan struktur kalimah adalah berteraskan ejaan. Kaedah penulisan ini digunakan dalam kalangan masyarakat Arab adalah khusus bagi tujuan berkomunikasi dan perkhidmatan sosial. Justeru, kaedah *Rasm Imlā'ī* tidak sesuai untuk penulisan Al-Quran kerana didapati mempunyai kelainan dengan *Muṣḥaf 'Uthmānī*.

Selain menyalahi sunah, pengamal *Muṣḥaf Imlā'ī* juga akan terlibat dengan implikasi pembacaan, penulisan dan pemahaman isi kandungan Al-Quran yang salah. Kajian ini mendapati *Muṣḥaf Quran Majīd* diklasifikasikan sebagai *Muṣḥaf Imlā'ī*, iaitu satu bentuk *mushaf* Al-Quran yang tidak wajar diterima pakai kerana terdapat banyak kesalahan, khususnya dari aspek *rasm* dan *dabt* yang boleh menyebabkan kesalahan pembacaan, penulisan dan pemahaman Al-Quran.

Bagi menyekat penggunaan *mushaf* yang mengandungi teks Al-Quran yang salah, pelbagai pendekatan dilakukan oleh kerajaan Malaysia. Bermula dengan penggubalan Akta Pencetakan Teks Al-Quran kemudian diikuti dengan taklimat dan penjelasan melalui bengkel, seminar dan pemeran yang berterusan. Kajian dan karya ilmiah yang membincangkan permasalahan ini juga dijangka dapat memberikan impak kepada usaha membendung penggunaan mushaf yang salah dan menyeleweng di negara ini.

## RUJUKAN

- Adam Metz. (1967). *Die Renaissance Des Islams*. Terj. (Arab) Abū Zaydah, Muḥammad Abd al-Hādī. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Arabī. Cet. 4.
- Ḍabā', 'Alī Muḥammad al. (T.th.). *Samīr al-Ṭālibīn*. Qāhirah: Sharikah Abd al-Ḥamīd Aḥmad Ḥanafī.
- Daud Ismail. (2003). Pengetahuan dan Penghayatan *Muṣḥaf 'Uthmānī*: Kajian Khusus di Kelas Pengajian Semasa Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Engku Alwi bin Ambak. (1991). Pembacaan Al-Quran dan Penghayatannya Dalam Masyarakat Islam. *Kursus Kaedah Penulisan Al-Quran Rasm Uthmani Peringkat Negeri Terengganu*. Kuala Lumpur: Lembaga Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri.
- H. Fadal Ar. Rahman dan H. Rosehan Anwar. (2005). *Mushaf-Mushaf Kuno Indonesia*. T.tp: Puslitbang Lektur Keagamaan, Badan Litbang Agama Indonesia.

- Ḥamad, Ghānim Qaddūrī al. (1982). *Rasm al-Muṣṣḥaf Dirāsah Lughawiyyah Tārikhiyyah*. Baghdād: al-Lajnah al-Waṭaniyyah li'l-Iḥtifāl bi Maṭla' al-Qarn al-Khāmis 'Ashar al-Hijrī.
- Ismā'il, Sha'bān Muḥammad. (1986). *Qir'āt Ahkāmuhā wa Maṣḍaruhā*. Bayrūt: Dār al-Salām li'l-Ṭabā'ah wa'l-Tawzī'.
- M. Syatibi AH. (2005). Menelusuri al-Quran Tulisan Tangan di Lombok dalam *Mushaf-Mushaf Kuno Indonesia*. T.tp: Puslitbang Lektur Keagamaan, Badan Litbang Agama Indonesia.
- Muḥaysin, Muḥammad Sālim. (1989). *Irshād al-Ṭālibīn ilā Ḍabṭ al-Kitāb al-Mubīn*. Qāhirah: Maktabah al-Azhariyyah li'l-Turāth.
- Undang-undang Malaysia*. (1986). Kuala Lumpur: Percetakan Negara.